



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **KOMITMEN GURU DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID ORANG ASLI DI PEDALAMAN: SATU KAJIAN KES**

*TEACHER COMMITMENT IN ENHANCING THE ACHIEVEMENT OF  
INDIGENOUS STUDENTS IN REMOTE AREAS: A CASE STUDY*

Ainisaadah Mohd Saod<sup>1\*</sup>, Nurul Aliah Ahmad Rushdi<sup>2</sup>, Azreen Anoar<sup>3</sup>, Mohd Aswad Aziz<sup>4</sup>, Aziah Ismail<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
Email: ainisaadah@student.usm.my

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
Email: aliahrushdi93@student.usm.my

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
Email: azreenanoar@student.usm.my

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
Email: araswad@student.usm.my

<sup>5</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia  
Email: aziah@usm.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 10.12.2024

Revised date: 15.01.2024

Accepted date: 20.02.2024

Published date: 12.03.2024

#### **To cite this document:**

Saod, A. M., Rushdi, N. A. A., Anoar, A., Aziz, M. A., & Ismail, A. (2024). Komitmen Guru Dalam Meningkatkan Pencapaian Murid Orang Asli Di Pedalaman: Satu Kajian Kes. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 394-411.

### **Abstrak:**

Cabarannya guru dalam meneruskan khidmat profesionalisme mereka dalam bidang pendidikan adalah mengajar di sekolah pedalaman yang lazim dikaitkan dengan keadaan yang serba kekurangan terutamanya dari aspek infrastruktur dan fasiliti sama ada untuk kehidupan sehari-hari guru maupun untuk pelaksanaan tugas pengajaran mereka. Satu aspek penting yang perlu ada pada diri guru dalam mendepani cabaran tersebut adalah komitmen. Kajian lepas mendapati guru yang mempunyai komitmen tinggi mampu mendepani apa jua cabaran untuk memberikan kualiti pendidikan yang terbaik kepada anak didik mereka. Justeru kajian ini berusaha untuk meneliti komitmen yang wujud dalam diri guru-guru yang bertugas di sebuah sekolah orang Asli di pedalaman Perak dalam memberikan yang terbaik kepada murid-murid di sekolah berkenaan agar tidak jauh ketinggalan daripada rakan-rakan seumur mereka di sekolah yang terletak di kawasan bandar maupun pinggir bandar. Pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes ini dijalankan di sebuah sekolah orang asli yang terletak di kawasan pedalaman Perak, Malaysia. Sebanyak empat orang guru telah dipilih sebagai responden menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Teknik temu bual, analisis

**DOI:** 10.35631/IJMOE.620029**This work is licensed under [CC BY 4.0](#)**

dokumen dan pemerhatian telah digunakan bagi memahami fenomena sebenar berkaitan komitmen yang wujud dalam diri responden kajian. Kajian mendapati bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik, jaringan dan jalinan dan pembangunan profesional dapat meningkatkan komitmen guru di sekolah pedalaman. Untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan terpencil, sokongan dan incentif perlu diberikan kepada guru-guru untuk mengekalkan komitmen mereka yang tinggi. Selain itu, kajian ini juga memberikan pandangan tentang bagaimana sistem pendidikan dapat lebih baik menyokong guru-guru di kawasan pedalaman.

**Kata Kunci:**

Sekolah Pedalaman, Komitmen Guru, Pencapaian Murid Orang Asli

**Abstract:**

The primary challenge faced by educators in continuing their professional service in the field of education is teaching in remote schools which is often associated with lack of resources, especially in terms of infrastructure and facilities. This scarcity affects not only the daily lives of teachers but also the execution of their teaching duties. A critical attribute that teachers must possess to overcome these challenges is commitment. Previous studies have found that teachers with a high level of commitment are capable of overcoming any challenges to provide the highest quality of education to their students. Therefore, this study aims to examine the commitment in teachers working at an indigenous school in Perak, Malaysia, striving to ensure that they deliver the best education to their students, preventing them from falling behind their urban and suburban counterparts. This qualitative case study was conducted in an indigenous school in a remote region of Perak, Malaysia. Four teachers were selected as participants through purposive sampling. Interview, document analysis, and observation were carried out to study the actual situation of commitment towards education among the respondents. The study discovered that intrinsic and extrinsic motivation, networking, and professional development could enhance teacher commitment in remote schools. To improve the quality of education in remote areas, it is essential to provide support and incentives to teachers in maintaining their high level of commitment. Moreover, this study offers insights into how the educational system can better support teachers in remote areas.

**Keywords:**

Remote Schools, Teacher Commitment, Indigenous Students' Achievement

**Pengenalan**

Seiring dengan perkembangan global masa kini, transformasi dalam sistem pendidikan dilihat dapat meningkatkan kualiti serta kesamarataan pendidikan bagi semua individu tanpa mengira jantina, geografi, status serta status sosio-ekonomi. Pembentukan generasi yang seimbang dan harmonis serta dapat dilaksanakan melalui pendidikan secara konsisten (Zakaria Abdullah & Kamarul Azmi Jasmi, 2018). Rohani Arbaa et. al. (2017), berpendapat guru mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan ilmu, kemahiran serta nilai yang perlu diterapkan sampai kepada murid dengan betul. Bukan itu sahaja, guru juga perlu menjadi sumber rujukan

untuk mengembangkan bakat, minat dan kebolehan murid serta mampu membantu mereka dalam membina daya pemikiran kritis dan kreatif (Gobalakrishnan & Ambotang, 2019).

Kawasan pedalaman di Malaysia merupakan kawasan yang tidak mudah dicapai melalui jalan raya atau pengangkutan awam. Kawasan ini lazimnya terletak di luar bandar, pulau, tasik atau pergunungan yang mempunyai populasi kecil, infrastruktur yang terhad dan kepelbagaiannya budaya serta menghadapi cabaran unik seperti akses pengangkutan, komunikasi dan infrastruktur yang terhad (Norhayati Mohd. Nor dan Rosnani Abd. Ghani, 2020). Pada tahun 2018, menurut *International Work Group of Indigenous Affairs* (IWGIA) terdapat kira-kira 11.8% daripada orang asli di Malaysia. 60% daripada mereka tinggal di kawasan pinggir hutan atau luar bandar, 30% tinggal di kawasan pedalaman hutan dan hanya kira-kira 1% sahaja daripada masyarakat orang asli tinggal di kawasan penempatan berhampiran dengan kawasan bandar. Ini merupakan satu cabaran kepada KPM kerana memerlukan usaha berganda untuk transformasi sekolah terutamanya sekolah orang asli yang terletak di kawasan pedalaman. Disebabkan sekolah di pedalaman menghadapi cabaran khas, komitmen guru yang tinggi amat diperlukan dalam menjayakan agenda pendidikan nasional.

Komitmen guru boleh ditakrifkan sebagai satu ikatan emosi, kekuatan serta kesediaan mereka untuk melaburkan masa, tenaga, dan usaha dalam kerja mereka terhadap profesion perguruan (OECD,2020). Altun, M. (2017) mengiktiraf komitmen guru sebagai salah satu faktor yang paling kritikal dalam keberkesanan sekolah memandangkan ia adalah konstruk kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk nilai peribadi guru, kepercayaan dan matlamat serta konteks sosial dan organisasi kerja mereka. Hal ini turut diperakui oleh James Billy dan Taat, (2020) di mana komitmen guru harus diberi perhatian serius memandangkan ia berupaya meningkatkan pencapaian akademik murid dan prestasi sekolah. Guru yang komited cenderung untuk mempertimbangkan keperluan dan kehendak murid, tahu bagaimana untuk memotivasi murid, boleh menggesa murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kelas, cenderung untuk memenuhi matlamat jangka pendek dan jangka panjang sekolah (Wang dan Guan, 2020; Lu, 2021 ). Mereka juga berdedikasi kepada organisasi dan penambahbaikannya, mewujudkan iklim pembelajaran yang positif, serta bersemangat untuk mengambil insiatif dalam usaha menggalakkan penambahbaikan dalam PdP dan pembelajaran (PdP) (Sarikaya & Erdogan, 2016). Sehubungan dengan itu, komitmen guru adalah aspek yang perlu dititik beratkan bagi mewujudkan hubungan yang positif antara guru dan murid di samping mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan bagi mencapai pencapaian yang memberangsangkan dari segi kurikulum, kokurikulum mahupun sahsiah (Altun, M. 2017).

## Latar Belakang Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (PPPM) telah mengorak langkah dalam menghasilkan suatu sistem pendidikan negara yang berteraskan lima ciri aspirasi utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Menerusi anjakan pertama; menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa kementerian telah berusaha merealisasikan keupayaan mobiliti sosial dalam kalangan murid di luar bandar yang berbeza status sosioekonomi. Penyelarasian pembelajaran yang diguna pakai oleh sistem pendidikan berprestasi tinggi serta penyediaan kemudahan teknologi serta kemudahan dan peralatan yang lengkap dalam persekitaran yang kondusif akan merapatkan jurang pemisah antara sekolah bandar dengan luar bandar. Selain itu, murid orang asli dan kumpulan minoriti lain juga akan menerima bantuan tambahan supaya mereka menikmati peluang pendidikan sama rata mulai tahun 2025.

Transformasi pendidikan ini selaras dengan Akta *No Child Left Behind* (NCLB) yang merupakan undang-undang utama untuk pendidikan umum K-12 di Amerika Syarikat dari 2002–2015. Akta itu telah diluluskan oleh Kongres dengan sokongan dua parti pada Disember 2001 dan ditandatangani menjadi undang-undang oleh Presiden George W. Bush pada Januari 2002. NCLB memperkenalkan perubahan ketara dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah awam di Amerika Syarikat dan secara mendadak meningkatkan peraturan persekutuan sistem sekolah negeri. Di bawah undang-undang, negeri dikehendaki untuk mentadbir ujian tahunan kemahiran membaca dan matematik murid sekolah awam dan sasaran pencapaian adalah semua murid perlu mencapai ke tahap yang ditakrifkan sebagai "mahir" atau lebih tinggi menjelang 2014. Guru juga dikehendaki untuk memenuhi piawaian yang lebih tinggi untuk pensijilan. Sekolah yang gagal mencapai matlamat akan dikenakan tindakan dan akhirnya guru akan ditukarkan atau sekolah ditutup. Akta itu sebahagiannya menjadi kontroversi kerana ia menghukum sekolah yang tidak menunjukkan peningkatan. Justeru pada tahun 2015, NCLB telah digantikan dengan *Every Student Succeeds Act* (ESSA) yang lebih fleksibel untuk dilaksanakan.

Tambahan pula, kementerian juga berusaha untuk menyalurkan guru yang telah menerima latihan tambahan bagi memahami keperluan dan cabaran khusus murid serta menggunakan strategi PdP yang sesuai. Eadie, J. et. al. (2021) berpendapat guru merupakan pemain utama dalam menyediakan pendidikan berkualiti. Mereka merupakan tunjang utama dalam menyokong pembangunan murid secara holistik kerana guru kini bukan mengajar dan memberikan ilmu kepada murid, malah menentukan maju mundurnya sesebuah negara. Guru yang komited sentiasa berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif, menggunakan pelbagai kaedah PdP untuk menarik minat murid, menilai pembelajaran murid dengan berkesan, berkomunikasi secara berkesan dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan lain serta komited terhadap pembangunan profesional dan pembelajaran berterusan.

Laporan yang dikeluarkan oleh UNESCO bertajuk *Global Education Monitoring Report 2020: Inclusion and Education - All means all* turut menyerlahkan kepentingan guru dalam menyediakan pendidikan berkualiti. Laporan tersebut menyatakan bahawa "Guru adalah satu-satunya faktor terpenting dalam menyediakan pendidikan inklusif dan berkualiti. Mereka memainkan peranan penting dalam mengatasi halangan pembelajaran, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyokong dan memupuk potensi semua murid" (UNESCO, 2020, ms. 82). Maka, penekanan terhadap keberhasilan guru yang berkualiti dan komited adalah penting agar dapat ilmu dan tenaga dapat disumbangkan ke tahap maksimum demi melonjakkan imej negara dalam ekonomi dunia melalui transformasi pendidikan.

### Cabaran Guru Di Sekolah Kawasan Pedalaman

Di sekolah pedalaman, sumber akses yang terhad merupakan antara cabaran yang utama. Akses yang terhad ini dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu (i) teknologi, (ii) infrastruktur dan pengangkutan dan (iii) peluang pembangunan profesional.

Teknologi telah menjadi sebahagian daripada keperluan penting dalam dunia pendidikan. Apabila teknologi diadaptasi dalam PdP, sesuatu proses PdP dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna jika jenis teknologi disesuaikan dengan persekitaran pembelajaran (Dinc, 2019). Namun, ia telah menjadi suatu kekangan di kalangan guru dan murid di kawasan pedalaman. Kekurangan peralatan ICT dan akses internet yang pantas merupakan salah satu masalah utama yang dihadapi oleh sekolah khususnya di kawasan luar bandar (Ghavife &

Rosdy 2015). Menurut Garrison dan Anderson, (2018), guru yang tidak menggunakan teknologi dalam PdP mereka tidak dapat menyediakan murid pengalaman pembelajaran yang terbaik. Selain itu terdapat sekolah di pedalaman yang daif dan tidak mempunyai sumber untuk membeli atau mengekalkan teknologi. Ini kerana bilangan murid sekolah di pedalaman majoritinya adalah kategori sekolah kurang murid yang menyebabkan bantuan kewangan terhad berbanding sekolah yang besar. Penyelenggaraan alatan teknologi juga sukar kerana tenaga pakar sukar hadir secara berkala disebabkan oleh kos yang tinggi.

Sekolah di kawasan pedalaman mempunyai infrastruktur yang tidak sempurna seperti laluan pengangkutan (jalan raya atau sungai) yang mencabar dan merbahaya, tiada bekalan elektrik, tiada bekalan air terawat dan bangunan sekolah yang daif. Terdapat sekolah di pedalaman yang terpaksa diakses melalui sungai, laut, tasik, laluan hutan, laluan balak dan kawasan berbukit dan ini mengakibatkan pelbagai risiko keselamatan dan kos pengangkutan yang sangat tinggi . Kekangan ini menjadikan beban guru meningkat kerana guru bukan sahaja berhadapan dengan masalah PdP namun mereka juga perlu menyelesaikan masalah-masalah asas yang menjadi halangan kepada murid untuk belajar. Beberapa faktor ekonomi, geografi, dan budaya mengekang akses murid Orang Asli di sekolah pedalaman untuk mencapai pendidikan berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Cabaran pengangkutan di sekolah pedalaman memberi kesan yang ketara kepada guru. Selain itu faktor lokasi sekolah yang jauh di pedalaman menyukarkan murid mendapatkan kemahiran tenaga pengajar profesional daripada luar. Guru juga turut terkesan kerana disebabkan infrastruktur yang daif, keupayaan untuk menjalankan aktiviti PdP adalah terhad.

Dalam profesi perguruan, latihan dalam perkhidmatan (LDP) amat penting bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dan pengurusan bilik darjah (Ahmad Al Hilmi Bin Mohammad Salleh dan Lilia Binti Halim, 2023). Kemahiran boleh dilihat sebagai kebolehan yang bersifat mental, fizikal, atau sosial, yang diperoleh hasil daripada penyertaan LDP. Guru tidak cukup sekadar mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kandungan atau mata pelajaran yang mereka ajar tetapi, mereka juga perlu mempunyai kemahiran untuk memindahkan kandungan tersebut ke dalam bentuk yang mudah difahami, diterima, dan akan menarik minat murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka (Wang et al., 2011). Ini kerana pendekatan pedagogi serta pemilihan bahan, kandungan dan aktiviti murid merupakan kunci kepada amalan bilik darjah yang berkesan sekali gus meningkatkan pencapaian murid. Menyedari akan hakikat tersebut, adalah wajar keberkesanan PdP dititik beratkan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan pendidikan di seluruh dunia. Maka, melalui LDP seperti bengkel, simposium, kolokium dan wacana, guru boleh meningkatkan kecekapan, pengetahuan, kemahiran, pendekatan PdP dan pemahaman kandungan untuk murid mereka (Burrows et al., 2021; Faikhamta et al., 2020). Menurut Midthassel et al., (2002) amat kurang bilangan guru kawasan pedalaman menghadiri LDP walaupun latihan tersebut penting sebagai satu sistem sokongan dalam meningkatkan kemahiran mengajar dan menghadapi persekitaran di kawasan pedalaman yang sangat mencabar pengasingan geografi yang berlaku kerana lokasi sekolah yang terpencil menyukarkan akses kepada program pembangunan profesional dan sumber-sumber pembelajaran. Guru-guru sekolah orang asli memerlukan peluang untuk memperkemas pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan inklusif, PdP bahasa, dan penggunaan teknologi pendidikan. Kekangan ini mengakibatkan kurangnya perkembangan profesional bahkan keperluan khusus yang berkaitan dengan orang asli kurang diberi penekanan dalam penyediaan latihan dan sokongan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan kajian kes bagi mendapatkan data terperinci bagi menganalisis komitmen guru dalam meningkatkan pencapaian murid di sekolah kawasan pedalaman. Pengkaji menggunakan medium ini kerana ia dapat memahami makna sesuatu pengalaman (Merriam, 2002). Penggunaan pendekatan kualitatif adalah bersesuaian dengan tujuan utama kajian iaitu untuk mengkaji komitmen guru dalam meningkatkan pencapaian murid di sekolah kawasan pedalaman. Pengkaji memilih sekolah Orang Asli di Perak, Malaysia bagi mencapai matlamat kajian ini.

Persampelan ialah proses memilih subset unit daripada populasi yang diminati dan matlamatnya adalah untuk mendapatkan sampel yang representatif, iaitu sekumpulan unit yang serupa dengan populasi dalam semua aspek penting. Teknik yang betul diperlukan dalam proses pensampelan kerana bilangan sampel yang tidak sesuai boleh membawa kepada penemuan yang salah. Empat orang responden telah dipilih yang terdiri daripada pentadbir sekolah, ketua panitia atau guru yang telah berkhidmat melebihi tujuh tahun di sekolah tersebut. Dalam menjalankan kajian kes ini, pengkaji menemu bual empat orang responden yang dikodkan sebagai R1, R2, R3 dan R4. Rumusan responden adalah seperti dalam Jadual 1:

**Jadual 1: Rumusan Responden**

Perkara	R1	R2	R3	R4
Jantina	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Lelaki
Umur	33 Tahun	43 Tahun	38 Tahun	42 Tahun
Kaum	Melayu	Semai+Temiar+Mela yu	Melayu	Melayu
Status Perkahwinan	Berkahwin	Berkahwin	Bujang	Bujang
Kampung Halaman Responden Dan Pasangan	Perak	Perak	Perak	Perakgerik
Adakah Pasangan dan Keluarga Tinggal Bersama?	Tidak.	Ya	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Pengalaman Bekerja Sebagai Guru	7 Tahun	19 Tahun	20 Tahun	20
Pengalaman Bekerja Di	7 Tahun	19 Tahun	5 Tahun	7

Sekolah  
Semasa

Bilangan Sekolah Responden Berkhidmat	1	1	1	3
Jawatan Responden Di Sekolah Semasa	Guru Bimbingan & Kaunseling	Gpk Hem	Guru Bimbingan Kaunseling	Penyelaras Aktiviti Menengah
Pencapaian Personal Responden	Jurulatih Utama (JU) PRS	Mendapat Sarjana Pendidikan	YDP MGKK Negeri Perak	Penyelaras Sekolah Menengah

Bagi kaedah pengutipan data, kaedah temu bual terbuka secara bersemuka digunakan. Menurut Merriam & Grenier (2019), temu bual dapat membantu penyelidik dalam memahami hasil instrumen ditinjau dan memberikan pendapat lanjut tentang fenomena yang dikaji. Untuk menjalankan temu bual tersebut, satu set protokol temu bual digunakan untuk menyoal responden. Temu bual dengan kesemua responden dirakam dengan audio bersama dengan catatan nota oleh ahli kumpulan yang selaras dengan nasihat kaedah temu bual dalam buku John Ward Creswell & John David Creswell (2018). Satu set soalan temu bual telah dibina yang terdiri daripada tujuh bahagian iaitu demografi responden, pencapaian guru, perasaan guru terhadap sekolah, perkhidmatan di sekolah semasa, peranan responden di sekolah, faktor-faktor untuk responden kekal di sekolah dan cabaran guru berkhidmat di sekolah tersebut. Kesemua bahagian ini menjurus terhadap impak akhir iaitu dalam usaha meningkatkan pencapaian murid. Pengkaji menjalankan sesi temu bual secara bersemuka. Situasi ini membolehkan penyelidik membina hubungan dengan peserta dan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman mereka dan perkara yang hendak dikaji.

### Dapatan Kajian

Hasil daripada temu bual yang dijalankan, terdapat lima dapatan iaitu (i) pencapaian guru, (ii) perasaan guru terhadap sekolah mereka, (iii) peranan responden di sekolah (iv) faktor-faktor untuk responden kekal di sekolah dan (v) cabaran.

### Pencapaian Guru

Hasil kajian menunjukkan pencapaian guru mempunyai korelasi positif dengan pencapaian murid. Pencapaian guru adalah penting kerana ia memberi kesan langsung kepada pencapaian murid. Ia menunjukkan sejauh mana seseorang guru telah mencapai matlamat pendidikan jangka pendek atau jangka panjang. Situasi ini merangkumi perkara seperti membangunkan pemahaman yang kukuh tentang perkara yang mereka ajar, menguasai kaedah PdP yang berkesan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid. Apabila guru menampilkan kualiti PdP yang berkesan, murid lebih cenderung untuk belajar dan berjaya. Hubungan antara guru dan murid memberi kesan ketara kepada prestasi kedua-dua pihak.

Menurut R1, beliau merupakan Jurulatih Utama (JU) Bimbingan dan Kaunseling peringkat daerah. Beliau banyak terlibat dalam aktiviti-aktiviti kaunseling seperti bengkel (peringkat negeri dan kebangsaan), simposium (sebagai urus setia), dan pembinaan modul untuk kegunaan guru kaunseling. Penglibatan ini memberikan beliau kepuasan sebagai seorang kaunselor. Beliau juga merupakan jurulatih bola baling, sehingga pasukan sekolah ini berjaya menjadi Naib Johan Kebangsaan. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana bukan satu perkara yang mudah untuk murid melatih orang asli dalam permainan ini dan penglibatan mereka yang bertanding di luar kawasan memerlukan kos yang sangat tinggi. Semua pencapaian beliau turut memberikan impak terhadap pencapaian murid sekolah ini. Beliau mengatakan bahawa:

*“Tempoh tujuh tahun saya berkhidmat di sekolah ini merupakan satu tempoh yang singkat. Saya ‘baru’ di sekolah ini. Masih banyak lagi pencapaian murid dan sekolah yang ingin saya capai. Melihat mereka menang dalam pertandingan bola baling merupakan satu kepuasan dan saya bersama-sama kawan mahu mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan,”.*

Menurut R2, beliau merupakan Guru Penolong Kanan perempuan pertama sekolah tersebut sejak ditubuhkan. Sekolah tersebut merupakan penempatan pertama beliau dalam perkhidmatan perguruan dan banyak kejayaan dalam bidang hal ehwal murid yang dicapai sepanjang berkhidmat di sekolah tersebut. Antaranya peningkatan dalam kehadiran murid ke sekolah dan penurunan peratus kecinciran murid ke sekolah. Beliau juga mampu menamatkan pengajian peringkat sarjana di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). R3 pula merupakan seorang guru kaunselor yang telah dilantik sebagai Naib Pengerusi 2 Majlis Guru Bimbingan dan Kaunseling Kebangsaan Negeri Perak dan bendahari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Jawatan ini menyebabkan beliau sangat rapat dengan ibu bapa dan komuniti setempat yang boleh mendatangkan implikasi positif terhadap pencapaian murid sekolah ini.

*“Di sini, saya sentiasa mencabar diri saya dan bukti menunjukkan sekolah pedalaman bukan sebagai halangan untuk berjaya. Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah mencapai beberapa anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan. Satu pencapaian peribadi yang paling saya terharu ialah membantu seorang murid sehingga berjaya mengikuti jurusan perubatan di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian. Murid ini merupakan ahli Pembimbing Rakan Sebaya bermula dari tahun tiga. Saya telah membantu mengisi borang untuk beliau melanjutkan pelajaran di MRSM Lenggong seterusnya ke matrikulasi Pulau Pinang dan kini di USM Kubang Kerian.*

Berlainan pula bagi R4. Beliau merupakan seorang guru di peringkat menengah yang ditugaskan untuk menggalas tugas-tugas pentadbiran di peringkat menengah yang mencakupi bidang kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum. Pentadbiran yang diterajui oleh seorang Guru Besar dan tiga penolong kanan tersebut lebih bertumpu kepada pentadbiran dan pengurusan peringkat rendah yang melibatkan murid bermula dari prasekolah sehingga murid tahun enam manakala beliau pula bertanggungjawab mengelola dan menguruskan murid satu, dua dan tiga. Beliau berpendapat bahawa peranan dan tanggungjawab yang dimainkan menjadi suatu platform untuk beliau menabur bakti demi pembangunan murid orang asli suku Temiar iaitu merangka dan merencanakan program-program yang bermanfaat bersesuaian dengan latar belakang, minat dan keperluan murid orang asli di sekolah tersebut.

Dapatkan dari kajian menunjukkan walaupun berada jauh di kawasan pedalaman guru-guru dari sekolah tersebut masih mampu menyumbang khidmat dan kepakaran tidak hanya di peringkat sekolah malah ada yang ke peringkat kebangsaan. Contohnya R1 dan R3 merupakan Jurulatih Utama (JU) Bimbingan dan Kaunseling Daerah dan banyak terlibat dengan pelbagai aktiviti peringkat negeri Perak dan kebangsaan. Manakala terdapat juga guru yang berjaya menamatkan pelajaran peringkat Sarjana walaupun berkhidmat jauh di pedalaman sebagaimana yang dibuktikan oleh R2.

### ***Perasaan Guru Terhadap Sekolah Mereka***

Sebagai manusia, emosi seseorang individu serta orang lain di sekelilingnya mempengaruhi tingkah laku, sikap dan pemikiran. Dengan cara yang sama, individu tersebut mempengaruhi individu lain melalui emosi. PdP adalah satu aktiviti emosi (Hargreaves, 2001) dan ia membawa bersama pengalaman emosi guru dan juga individu di sekelilingnya. Perasaan guru terhadap sekolah adalah konstruk kompleks yang merangkumi pelbagai emosi seperti kepuasan, komitmen dan kekitaan dan perasaan ini boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor, seperti budaya, iklim dan sumber sekolah (O'Donoghue, et al, 2021 dan Day, et al. 2022). Perasaan boleh memberi impak yang besar kepada prestasi kerja guru, kesejahteraan dan pengekalan mereka di sebuah sekolah.

Menurut R1, beliau sangat sayangkan murid sekolah ini. Situasi ini akan menyebabkan semangat beliau tidak luntur jika berhadapan dengan sebarang masalah yang melibatkan murid. Menurut beliau pencapaian seseorang murid bukan hanya diukur dengan pencapaian akademik sahaja. Terdapat sebilangan murid yang buta huruf namun mereka mempamerkan sikap dan minat yang positif apabila mereka mencuba bidang-bidang lain contohnya seperti permainan bola baling dan nyanyian. Disebabkan perasaan sayang yang menebal, beliau tidak pernah mengabaikan murid yang buta huruf. Selain itu beliau juga merasa sangat bangga menjadi sebahagian tenaga pengajar di sekolah ini. Beliau mengatakan bahawa:

*“Sekolah ini merupakan sekolah pertama penempatan saya. Walaupun sekolah ini jauh di pedalaman dan saya tinggal berasingan dengan isteri, namun itu bukan masalah bagi saya. Saya sangat bangga menjadi guru sekolah ini. Seringkali jika saya terlibat dengan mesyuarat atau aktiviti di luar anjuran JPN atau KPM, saya suka bercerita mengenai murid sekolah saya. Saya juga bersyukur kerana mempunyai rakan sekerja yang sangat menyokong dan memahami. Sokongan guru besar dan pentadbir juga menjadikan saya bersemangat dalam meningkatkan pencapaian murid di sekolah ini.”.*

Menurut R2, sekolah tersebut merupakan sekolah pertama beliau dan kampung halaman beliau. Jadi menjadi satu kebanggaan bagi beliau untuk berkhidmat di kampung sendiri dan menyumbang kepada penduduk kampung dan sanak saudara sendiri. Faktor ini juga menjadi satu nilai tambah kepada motivasi beliau untuk berkhidmat dengan lebih bersungguh dan sepenuh hati. Menurut R3, beliau menyatakan seperti berikut:

*Oh, saya rasa sangat bangga berada di sekolah ini dan itulah sebab kenapa saya masih kekal di sini walaupun terdapat beberapa tawaran untuk berkhidmat dalam bidang pengurusan. Saya rasa di sini adanya keseronokan bekerja di pedalaman yang tak dapat semua orang rasa. Mood saya bekerja di sini umpama macam first posting. Kita nak buat yang lebih baik lagi dan lagi. Di sini, kita ada barisan guru baru dan muda dengan lingkungan umur bawah tiga puluh.*

*Untuk itu, semangat bekerja di sini yang menyebabkan ianya seronok di tambah dengan murid dan komuniti hingga tiada keperluan yang mendesak untuk keluar atas faktor sekolah.*

Hasil temu bual bersama R4 pula mendapati bahawa responden berasa sangat bersyukur dan gembira berada sekolah tersebut. Ini kerana beliau amat senang dengan sikap yang ditonjolkan oleh warga sekolah tersebut. Sikap keterbukaan dan saling membantu yang ditunjukkan oleh barisan pentadbiran, guru-guru dan warga sekolah membuatkan beliau tetap pendirian untuk terus bersama-sama memikul tanggungjawab untuk meningkatkan pencapaian murid orang asli di sekolah tersebut. Di samping itu beliau turut menyatakan kelegaan yang dirasainya dalam menguruskan bilangan kecil murid peringkat menengah yang terdiri daripada murid tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

Majoriti guru di sekolah tersebut gembira dan bahagia berkhidmat di sekolah tersebut walaupun berada jauh dari pasangan dan keluarga masing-masing. Ini kerana sekolah tersebut mempunyai kemudahan infrasuktur yang lengkap serta warga sekolah terutama pentadbir yang sentiasa menyokong dan memahami situasi mereka. Ditambah pula dengan sokongan dan kerjasama penduduk sekitar dan organisasi berhampiran yang sentiasa menyokong guru dan sekolah dalam pelbagai acara dan program. Sehingga ada guru yang menolak tawaran untuk berpindah keluar dari sekolah ini sebagaimana yang dinyatakan oleh R1. Manakala R2 lebih teruja lagi untuk terus mengajar di sini kerana sekolah tersebut merupakan kampung halaman beliau.

### ***Peranan Responden Di Sekolah***

Peranan guru di sekolah adalah rencam. Peranan mereka merangkumi pelbagai aspek pendidikan dan motif kecemerlangan sesebuah sekolah. Menurut Allen, et al. (2022), perkhidmatan guru di sesebuah sekolah adalah memberikan sokongan kepada organisasi seperti membimbang, melatih atau menyediakan pembangunan profesional. Mereka merupakan pemacu untuk meningkatkan kualiti pencapaian murid dan agenda keseluruhan pendidikan di sekolah. Menurut R1, meraikan kepelbagaiannya individu akan mewujudkan suasana positif dalam bekerja. Bagi membantu pentadbir, beliau sering menggantikan kelas guru lain semasa guru terbabit bertugas di luar kawasan. Secara tidak langsung situasi ini akan meringankan beban guru lain. Walaupun tidak mengajar memandangkan jawatannya adalah kaunselor sepenuh masa, beliau sering menjalankan sesi kaunseling bersama-sama murid. Beliau juga merupakan jawatankuasa Kelab Guru dan membimbang murid menjadi Daei Cilik. Selain itu, beliau mengatakan bahawa:

*“Murid orang asli berminat dengan muzik. Saya dan team mewujudkan pasukan nasyid sekolah. Walaupun ada murid tidak lancar membaca, namun apabila mereka mendengar lirik lagu, mereka akan cepat menghafal. Ingatan mereka juga kuat untuk mempelajari dan memainkan instrumen muzik contohnya kompong. Dengan ini saya telah membantu meningkatkan pencapaian murid yang lemah dalam akademik.”.*

Menurut R2, latar belakang beliau yang berasal dari kampung tersebut banyak membantu beliau dalam menjalankan tugas-tugas selaku Guru Hal Ehwal Murid di sekolah tersebut. Ini kerana selaku penduduk tempatan, beliau memahami budaya masyarakat tempatan serta mengenali hampir semua penduduk sekitar. Ini memudahkan komunikasi dan perbincangan dengan ibubapa dan masyarakat setempat berkaitan pemasalahan dan isu yang melibatkan murid-murid. Selain itu menurut R3 selaku guru Bimbingan dan Kaunseling, beliau sering

membantu pengurusan hal ehwal murid dalam mengalu-alukan kehadiran murid ke sekolah. Program-program *outreach* juga dilaksanakan dengan turun ke lapangan untuk melihat masalah keciciran murid dan dalam masa yang sama turut membantu dalam program khidmat komuniti. Sementara itu temu bual bersama R4 mendapati bahawa beliau merupakan individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelia segala aktiviti pentadbiran dan pengurusan di peringkat menengah. Sebagai seorang penyelaras, beliau membantu barisan pentadbiran sekolah untuk mengurus dan mengelolakan hal-hal berkaitan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid. Selain pengurusan beliau juga ditugaskan untuk mengajar subjek Matematik peringkat menengah. Beliau menyatakan bahawa beliau gembira dan komited dengan apa jua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau demi memacu kecemerlangan murid sekolah tersebut.

Hasil daripada temu bual yang telah dijalankan dapat disimpulkan bahawa responden pertama dan ketiga merupakan guru bimbingan dan kaunseling sekolah tersebut. Mereka membantu dalam hal-hal berkaitan Hal Ehwal Murid di samping merangka dan mengelolakan program-program yang bersesuaian dengan keperluan murid di sekolah tersebut. Manakala R2 memegang jawatan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan R4 pula merupakan guru penyelaras peringkat menengah. Keempat-empat responden memaklumkan bahawa mereka kerap kali diberi jadual ganti (relief) setiap minggu kerana kekurangan guru di sekolah tersebut. Di samping itu keempat-empat responden mempunyai banyak tugas lain selain tugas hakiki kerana kekurangan guru di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun begitu mereka gembira, bersemangat dan bermotivasi untuk berada di sekolah tersebut kerana persekitaran sekolah yang positif dan rakan-rakan guru yang banyak membantu dalam pelbagai aspek. Melalui penyertaan yang aktif, perhatian, dan penghargaan, guru dapat mencipta ikatan yang positif dengan murid dan membantu mereka untuk berasa selamat, diterima dan dihargai dalam persekitaran pendidikan.

### **Faktor-Faktor Untuk Responden Kekal Di Sekolah**

Peranan guru kini menjadi lebih kompleks, rumit dan strategik sebagai agen perubahan dan pembangun. Guru bukan saja perlu mengajar malah bertanggungjawab membentuk peribadi dan akhlak yang mulia. Ini memberi tekanan pada guru seterusnya mempengaruhi sikap dan kecekapan guru. Namun dengan persekitaran sekolah yang kondusif dengan adanya sokongan rakan sejawat dan bimbingan dari pihak pengurusan menjadi faktor utama guru untuk terus berkhidmat di pedalaman. Ini seiring dengan maklum balas responden R1 di mana beliau menyatakan:

*“Saya bersyukur kerana saya mempunyai sahabat-sahabat yang sangat mudah bekerjasama. Kami telah bersama-sama mencipta dan mengekalkan kecemerlangan dalam pertandingan bola baling sehingga berjaya menjadi Naib Johan Kebangsaan empat tahun berturut-turut. Masih banyak lagi perancangan saya dan kawan-kawan di sini.”*

Responden R4 juga berpendapat yang sama dengan responden R1. Beliau mengakui sungguhpun ada kalanya terdapat permasalahan yang timbul namun ia dapat dirungkai dan diselesaikan dengan mudah apabila dilakukan bersama-sama melalui semangat dan nilai setia kawan yang ditonjolkan oleh warga sekolah. Dorongan dan sokongan yang diberikan menjadikan pekerjaannya di sekolah berjalan dengan lancar dan kurang tekanan. Selain itu, sokongan dari pentadbir, budaya kerjasama di kalangan staf, dan program pembangunan profesional yang menyokong pertumbuhan guru juga penting. Hal ini turut disokong oleh

Muhammad Faizal Abdul Ghani dan Azizi Yahaya. (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk Kesejahteraan Guru dan Kepuasan Kerja: Satu Kajian dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia bahawa suasana yang kondusif memberikan kesan positif terhadap kesejahteraan guru. Guru akan merasa lebih puas dengan kerja mereka, mengalami lebih sedikit tekanan dan keletihan, dan lebih cenderung untuk berkekalan dalam bidang pendidikan. Ini membawa kepada peningkatan prestasi kerja dan memberikan manfaat kepada murid. Beliau juga menyatakan bahawa beliau memilih untuk kekal berkhidmat kerana suasana kampung orang asli yang tenang dan jauh dari hiruk-pikuk kesibukan dan kesesakan kota. Hal ini seperti yang terdapat dalam kajian oleh Haslinda Abdullah, Hamzah Md. Omar, dan Nor Hasniah Kasim (2015) dalam Hubungan Antara Iklim Organisasi dan Penglibatan Kerja Guru Sekolah Menengah di Malaysia bahawa faktor penting dalam mencipta suasana yang kondusif termasuk hubungan yang harmoni antara guru dan pentadbiran sekolah, komunikasi yang terbuka dan efektif, dan kepercayaan yang dibangun antara semua pihak.

Selain itu, faktor murid juga merupakan faktor guru tetap kekal berkhidmat di sekolah pedalaman ini. Walaupun murid sekolah pedalaman berbeza status sosioekonomi dan budaya, purata pencapaian prestasi rendah namun guru tiada rasa untuk berpindah dari sekolah semasa Ingersoll (2001). Kajian Skaalvik & Skaalvik (2016) juga mendapati tiada kesan yang signifikan antara persepsi guru dan niat pusing ganti terhadap kepelbagaiannya murid. Ini seiring dengan kenyataan responden R3 iaitu:

*“Terdapat dua perkara yang menjadi pemangkin pada saya. Yang pertama ialah murid. Murid merupakan individu yang membuatkan kita berasa seronok di sini. Lagipun tanpa murid tiadalah saya sebagai guru di sini. Melihat kemenjadian murid saya rasa seronok. Sekarang banyak keluaran sekolah ini yang berjaya menyambung muridan ke peringkat yang lebih tinggi seperti Kolej Vokasional, Kolej Komuniti dan Institusi Pengajian Tinggi Awam. Yang kedua pula ialah komuniti. Dua perkara ini saling berkaitan sebenarnya tambahan pula kami guru Bimbangan dan Kaunseling. Lagilah tentu kita dengan murid. Dengan komuniti pula, apa-apa di sini sekolahlah mereka cari. Sokongan ibu bapa dan komuniti juga membuatkan kita sentiasa bersemangat membantu anak-anak ini untuk keluar memperbaiki taraf hidup keluarga.”*

Menurut R1 juga mengakui respon positif daripada murid dan ibubapa/penjaga merupakan penyebab utama beliau kekal di sekolah ini. Murid dan masyarakat orang asli sangat memandang tinggi kepada guru dan sikap hormat ini menyebabkan beliau mudah merancang program-program kecemerlangan di sekolah. Sokongan yang berterusan daripada Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) selama ini telah memudahkan gerak kerja beliau dalam melaksanakan program-program sekolah. Sokongan dan bimbingan yang berterusan daripada guru besar dan pentadbir menyebabkan beliau senang bekerja dan sering menjadikan mereka sebagai tempat rujukan. Berbeza pula dengan R2 di mana beliau merupakan seorang anak tempatan yang tidak pernah memohon berpindah sejak kembali berkhidmat di kampung halaman. Beliau berasa sangat gembira dan berbangga kerana dapat menyumbang bakti kepada penduduk kampung dan sanak saudara sendiri. Ini memberi nilai tambah dan motivasi terbesar kepada beliau untuk terus mengajar di sekolah tersebut. Beliau juga akan terus berkhidmat selagi diperlukan dan bercadang untuk bersara di sekolah tersebut.

### Cabaran

Cabaran adalah halangan atau kesukaran yang perlu dilalui. Ia boleh menjadi fizikal, mental, atau emosi, menjadi peribadi atau profesional dan boleh menjadi besar atau kecil. Menurut R1, cabaran utama ketika beliau mula bertugas di sekolah ini ialah untuk ‘membeli jiwa’ murid orang asli dan ibubapa mereka. Mereka berada dalam zon selesa dan pendidikan bukanlah objektif utama dalam kehidupan mereka. Ramai dalam kalangan ibubapa yang buta huruf. Pendidikan juga bukan perkara yang dititikberatkan dalam keluarga. Mereka boleh sahaja meneruskan kelangsungan hidup walaupun tidak berpendidikan. Disebabkan itulah terdapat murid yang tidak meneruskan pendidikan menengah dan mereka tidak boleh dipaksa untuk datang ke sekolah. Ini merupakan cabaran besar kepada responden pertama ini. Beliau mengatakan bahawa:

*“Sebagai seorang kaunselor, saya sedar itu cabaran besar bagi saya. Saya perlu membina hubungan agar dapat menjalankan komunikasi yang baik dengan mereka. Alhamdulillah, semakin ramai ibubapa yang faham kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka. Saya bersama-sama rakan telah mengadakan program kaunseling ibubapa bagi menyebarluaskan kepentingan pendidikan. Impaknya dapat dilihat apabila ramai murid yang meneruskan tingkatan empat di sekolah menengah lain. Ada juga murid yang menyambung pelajaran di Kolej Vokasional. Ini satu perkembangan yang menggembirakan saya.”*

R2 dan R3 juga mempunyai pendapat yang sama dengan R1. Mengubah pemikiran masyarakat tempatan berkaitan kepentingan pendidikan merupakan cabaran terbesar beliau sepanjang mengajar di sekolah tersebut. Ini kerana penduduk tempatan belum memahami sepenuhnya kepentingan pendidikan dalam kehidupan dan proses pembangunan modal insan. Namun, hasil tunjuk ajar serta didikan dan program yang pelbagai kesedaran serta kefahaman penduduk tempatan terhadap kepentingan pendidikan kian meningkat.

*“Cabaran mestilah ada di sekolah pedalaman ini. Contoh jika melibatkan murid, saya nampak suku kaum Temiar, mereka mempunyai sifat malu yang tinggi berbantu suku kaum asli yang lain. Malu di sini maksudnya mereka sukar dapatkan keselesaan dengan orang luar tetapi selepas dilentur, mereka akan ok. Dulu, mula saya datang sangat sukar untuk saya tengok mereka bercakap. Tahun ini juga saya baru mengisi eg-Tukar untuk memohon pertukaran tahun hadapan atas faktor keluarga. Selepas ibu saya meninggal, ayah saya tinggal berseorangan. Memandangkan faktor kesihatan ayah yang makin merosot dan saya yang paling dekat, jadi saya rasa tanggungjawab saya untuk berada dekat untuk bantu. Walau pun telah berlapang dada untuk meninggalkan sekolah ini, namun berat rasa hati kerana merasakan masih banyak yang perlu dibuat di sini. Sayang sebenarnya nak tinggalkan sekolah ini.”(R3)*

Temu bual bersama R4 membawa pendedahan tentang cabaran yang dihadapi oleh guru khususnya individu yang bukan berasal dari kawasan berdekatan sekolah. R4 menyatakan kekangan pengangkutan dan telekomunikasi merupakan suatu cabaran besar yang menimbulkan kegusaran dalam dirinya semasa berkhidmat di sekolah ini. Beliau menerangkan dengan panjang lebar tentang kesusahan dan risiko yang terpaksa ditanggung oleh guru yang berasal dari tempat untuk masuk ke kawasan tersebut.

R4 menyatakan bahawa terdapat hanya dua laluan untuk ke sekolah ini. Tambahnya lagi, bukan sesuatu yang mudah untuk melalui jalan air tersebut kerana individu perlu merancang

perjalanan dengan teliti contohnya berhubung lebih awal dengan pemilik kenderaan pacuan empat roda dan pemilik bot bagi mendapatkan persetujuan mereka untuk membawa guru ke kawasan orang asli tersebut. R4 menyatakan bahawa tidak mudah untuk mendapatkan bot pada hari biasa apatah lagi semasa situasi genting. Beliau turut menyatakan bahawa individu perlu bersedia dari segi mental dan fizikal iaitu mempunyai tubuh badan yang sihat bahkan mempunyai kesediaan untuk merentas gelora tasik yang luas.

Selain itu terdapat juga jalan darat yang menghubungkan kawasan orang asli tersebut dengan kawasan luar. Laluan tersebut merupakan jalan balak yang memakan masa selama kira-kira empat jam. Laluan tersebut tidak berturap dan tidak diselenggara seperti jalan raya lain. R4 menyatakan bahawa laluan tersebut tidak boleh dilalui oleh kereta atau motosikal biasa kerana laluan dan bentuk muka bumi yang tidak sesuai untuk jenis kenderaan tersebut. Hanya kenderaan pacuan empat roda, lori dan motosikal yang sesuai sahaja yang boleh melalui laluan tanah merah tersebut. Beliau turut menerangkan tentang risiko-risiko lain yang mungkin dihadapi oleh pengguna laluan tersebut seperti cuaca tidak menentu, risiko kemalangan, serangan binatang buas dan sebagainya. Selain daripada pengangkutan, R4 turut menyatakan bahawa perhubungan talian telefon dan internet di kawasan tersebut sangat terhad. Beliau berkongsi kekecewaan yang dirasainya sehingga kini kerana lewat menerima pemakluman dari ahli keluarganya tentang kematian yang berlaku dalam keluarga mereka selain tidak dapat segera pulang untuk meziarahi dan memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah.

*“Cabaran besar bagi saya ialah pengangkutan untuk ke sini. Saya pernah mengalami situasi apabila ahli keluarga meninggal dunia. Selain kesukaran untuk berhubung dalam menyampaikan maklumat saya juga tidak dapat segera keluar dari kampung ini kerana pada waktu malam tiada bot untuk membawa saya ke jeti.”*

### **Perbincangan Dan Kesimpulan**

Perbincangan hasil kajian ini adalah berdasarkan dapatan temu bual yang dapat dikaitkan dengan komitmen guru untuk meningkatkan pencapaian murid di sekolah pedalaman. Ia merupakan aspek penting dalam PdP yang berkesan dan mempunyai kesan yang signifikan terhadap impak murid. Kajian mendapati terdapat tiga ciri komitmen guru iaitu (i) motivasi intrinsik dan ekstrinsik, (ii) Jaringan dan jalinan dan (iii) Pembangunan profesional.

### **Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik**

Guru merupakan agen penggerak perubahan dan faktor yang mewujudkan perubahan dalam proses pembaharuan pendidikan (Juliao, 2018). Namun perlu dilihat bahawa sebilangan guru yang mengajar di sekolah orang asli menghadapi beberapa cabaran termasuk kekurangan sumber, kekurangan sokongan dan perbezaan budaya antara guru dan murid. Cabaran ini boleh menurunkan motivasi guru yang mengajar di kawasan tersebut. Keberkesanan setiap tugas guru adalah sebahagian besarnya bergantung kepada kesediaan guru untuk menumpukan usaha dan tenaga mereka. Oleh itu, kekuatan motivasi individu akan menyumbang kepada usaha ke arah pembentukan tenaga kerja kolektif (Shen et al., 2018). KPM memandang serius isu tersebut kerana beban tugas tambahan guru di sekolah pedalaman akan menyebabkan guru kurang bermotivasi dalam melaksanakan tugas. Terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Ini disokong oleh Sansone Carol dan Tang Yun (2021) bahawa motivasi terdiri daripada dua sumber iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik ialah motivasi yang hadir daripada dalaman untuk melakukan sesuatu demi kepentingannya sendiri kerana ia sememangnya menyeronokkan atau memuaskan. Ini bermula dari perasaan minat,

ingin tahu, kepuasan dan pencapaian. Manakala motivasi ekstrinsik ialah motivasi luaran untuk melakukan sesuatu untuk mencapai ganjaran luaran atau mengelakkan hukuman. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik guru merupakan perkara penting yang perlu diberikan perhatian sewajarnya bagi meningkatkan kecemerlangan dan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Hal ini turut disokong oleh Abdul Halim Ismail & Suzana Mohamad Said (2016) dalam Motivasi Kerja Guru Orang Asli dan Pencapaian Akademik Murid di Sekolah Menengah Orang Asli, bahawa motivasi intrinsik yang tinggi dalam diri guru di sekolah pedalaman khususnya di sekolah orang asli dapat menginspirasikan murid-murid dan membantu merangsang perubahan positif dalam kehidupan mereka. Guru yang bersemangat tinggi dan berdedikasi terhadap tugas-tugasnya menjadi model ikutan yang memberikan kesan motivasi dan mencambahkan keyakinan dan jati diri murid-murid untuk terus berusaha mencapai matlamat mereka. Pengiktirafan dalam bentuk penghargaan, hadiah, sijil penghargaan atau kenaikan pangkat dapat menerbitkan rasa dihargai dan memberikan suntikan semangat kepada guru untuk terus meningkatkan prestasi dan memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan mereka.

Kesimpulannya, motivasi penting dalam diri guru kerana ia mempengaruhi kualiti PdP, pembelajaran murid, pencapaian akademik, dan kesejahteraan guru secara keseluruhan. Motivasi yang tinggi mendorong guru untuk menjadi lebih efektif, berinspirasi dan berdedikasi dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada para murid.

### ***Jaringan Dan Jalinan***

Dalam merealisasikan impian negara untuk menghasilkan murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik. Kajian menunjukkan hubungan yang baik dan berkesan di antara sekolah dan ibu bapa dapat meningkatkan komitmen guru sekali gus mewujudkan pencapaian sekolah yang cemerlang. Hal ini kerana apabila ibu bapa mengambil bahagian secara aktif dalam pendidikan anak mereka, ia mewujudkan perkongsian kolaboratif antara ibu bapa dan guru, memupuk persekitaran pembelajaran yang menyokong. Sehubungan dengan itu, penglibatan ibu bapa adalah sangat digalakkan. Plessis dan Mestry (2019) berpendapat program orientasi sekolah yang melibatkan guru, ibu bapa dan komuniti boleh menyokong guru kawasan luar bandar untuk mengatasi perasaan terasing mereka, memperoleh rasa kemasyarakatan dan keselamatan, dan membangunkan kecekapan profesional untuk perkhidmatan luar bandar. Bukan itu sahaja, bahkan sokongan ibu bapa dan komuniti melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari segi penyediaan bangunan sekolah dan infrastruktur lain boleh membantu mewujudkan persekitaran yang menggalakkan PdP.

Permuafakatan dan kolaborasi antara sekolah dan komuniti memberi banyak manfaat seperti peningkatan pencapaian akademik, mengurangkan kadar ponteng sekolah dan meningkatkan keselamatan persekitaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; Maier et al., 2017). Hal ini dikaitkan dengan kejayaan permuafakatan sekolah dan PIBG yang berkunjung ke rumah murid yang mempunyai masalah kerap tidak hadir ke sekolah, sakit dan terjebak dalam gejala sosial. Semua manfaat tersebut adalah berlandaskan kepada matlamat akhir yang dikongsi bersama iaitu meningkat pencapaian murid secara khususnya dan mutu pendidikan secara umumnya. Apabila perhubungan terbina, kepercayaan dan rasa hormat juga secara tidak langsung akan terbina, seterusnya melahirkan rasa kepunyaan (*ownership*) terhadap sekolah (Miller, 1995). Khan (2019) mengaitkan hubungan serta pembangunan persekitaran kerja ini

dengan iklim organisasi yang meningkatkan motivasi dan membawa kepada tingkah laku seperti kepuasan, keberkesan dan komitmen organisasi akhirnya.

### **Pembangunan Profesional**

Matlamat Pembangunan Mapan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) 4 iaitu ‘Kualiti Pendidikan’ bermatlamat untuk memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif, ekuiti dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua (*Sustainable Development Goals, Department of Economic and Social Affairs, United Nations, 2021*). Guru yang komited sentiasa cakna dengan program pembangunan profesional yang berterusan. Pembangunan profesional boleh memberi impak positif terhadap PdP guru dan pembelajaran murid. Kajian ini mendapati bahawa guru yang mengambil bahagian dalam pembangunan profesional berkualiti tinggi lebih cenderung menggunakan amalan PdP berdasarkan bukti dan murid mereka boleh memperolehi pencapaian pada tahap yang lebih tinggi. Mereka secara aktif mencari peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, sentiasa bersedia untuk melibatkan diri dengan penyelidikan terkini dan berusaha melahirkan amalan terbaik dalam pendidikan. Bagi menggalakkan inisiatif ini, KPM memberikan kemudahan cuti belajar atau biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada guru yang berminat untuk menyambung pelajaran. Biasiswa kerajaan untuk guru melanjutkan pelajaran ditawarkan sebagai satu cara untuk menyokong pembangunan profesional guru. Walaupun program biasiswa tersebut berbeza-beza namun matlamat utamanya ialah untuk meningkatkan kualiti diri dan PdP guru. Dengan menawarkan biasiswa, kerajaan menggalakkan guru untuk melanjutkan pelajaran dan latihan yang boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan PdP mereka. Ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan. Biasiswa juga boleh menangani masalah jurang kemahiran. Sebagai contoh, biasiswa disediakan untuk guru yang berminat mendapatkan ijazah lanjutan dalam mata pelajaran seperti matematik, sains atau pendidikan khas yang akhirnya akan dapat meningkatkan pencapaian murid dalam subjek tersebut.

Pembelajaran sepanjang hayat boleh membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan warga pendidik serta menjadikan mereka lebih produktif dan berdaya saing. Ini dapat membantu meningkatkan pencapaian murid. Namun guru di sekolah pedalaman menghadapi cabaran dalam memperoleh latihan dan pembangunan profesional yang mencukupi. Peluang pembangunan profesional mungkin terhad dan relevan dengan keperluan guru dan sukar diakses, menjadikan mereka kurang mendapat sokongan dan kemahiran untuk meningkatkan kecekapan diri sebagai pendidik di sekolah pedalaman. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Hamid, Abdul Manaf dan Ismail (2017) dalam *Rural Teacher Professional Development in Malaysia: An Exploratory Study* bahawa antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh guru khususnya guru-guru baharu dalam pendidikan orang asli termasuklah cabaran dalam memperoleh latihan dan pembangunan profesional yang mencukupi yang bersesuaian dengan keperluan PdP di sekolah orang asli.

Kesimpulannya majoriti guru yang berkhidmat di sekolah tersebut gembira dan bermotivasi tinggi menyebabkan banyak perancangan yang dirancang untuk peningkatan sekolah sama ada dalam bidang akademik atau bukan akademik berjaya dicapai. Ditambah lagi dengan sokongan pihak pentadbir yang sentiasa memahami dan menyokong semua guru setiap masa dalam semua bidang. Sokongan dan bantuan masyarakat setempat turut menyumbang kepada motivasi guru dan kemenjadian murid di sekolah tersebut. Meskipun pekerjaan sebagai guru di pedalaman Malaysia suatu tugas yang mencabar, guru-guru yang memilih berkhidmat di sekolah tersebut memiliki motivasi yang tinggi untuk memberikan komitmen kepada

masyarakat dan memperjuangkan kesetaraan pendidikan bagi semua anak-anak, tidak kira di mana mereka berada.

### Cadangan Penambahbaikan

Untuk penambahbaikan pada masa hadapan, kajian kes ini boleh diperluaskan dengan mengkaji kesan kepimpinan pengetua atau guru besar (PGB) terhadap komitmen guru di sekolah pedalaman. Kajian boleh dijalankan dengan mengkaji sejauh manakah peranan kepimpinan PGB boleh menjadi faktor penting dalam komitmen guru. Selain itu kajian juga boleh dijalankan terhadap peranan sokongan sosial terhadap komitmen guru di sekolah pedalaman. Sokongan sosial ialah perasaan yang dihubungkan dengan individu lain. Ia boleh berpunca daripada keluarga, rakan daripada sekolah lain, pegawai di pejabat pendidikan daerah atau pegawai jabatan pendidikan negeri. Seterusnya kajian juga boleh dijalankan dengan mengkaji kesan budaya luar terhadap komitmen guru di sekolah pedalaman. Dalam konteks kajian kes ini, budaya luar ialah nilai dan kepercayaan bersama penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman tersebut. Ia melibatkan oleh faktor-faktor seperti geografi, sejarah, dan ekonomi. Penyelidikan boleh dijalankan dengan mengkaji sejauh manakah budaya luar boleh memberi impak terhadap komitmen guru di pedalaman. Memperluaskan kajian kes ini ke sekolah lain yang berbeza kemudahan infrastruktur, bilangan murid, sosioekonomi dan budaya juga merupakan satu kajian yang boleh dijalankan pada masa hadapan. Maka dengan ini dapatkan kajian boleh diperluaskan bagi manfaat semua pihak yang terlibat.

### Penghargaan

Bersyukur ke hadrat Ar-Rahman dengan izin-Nya kami dimudahkan urusan untuk menjalankan kajian dan menerbitkan artikel ini. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pensyarah yang dihormati, Prof Madya Dr Aziah Ismail atas tunjuk ajar serta bimbingan sehingga kami berjaya menerbitkan artikel ini. Terima kasih kepada guru besar dan pentadbir sekolah ini atas kerjasama dan kebenaran menjalankan kajian. Kami juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada empat orang responden yang telah banyak membantu memberikan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Perkongsian pengalaman mereka sememangnya banyak membantu kami dalam menjalankan kajian ini. Sememangnya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga telah memberi kejayaan kepada kami. Akhir madah, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam penulisan artikel kami ini. Terima kasih.

### Rujukan

- Allen, D., Hickson, L., & Ferguson, M. (2022). Defining a service teacher: A systematic review. *Teaching and Teacher Education*, 112, 103493.
- Altun, M. (2017). The effects of teacher commitment on student achievement: A case study in Iraq. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11), 417-426.
- Ambotang, A. S., & Bayong, N. (2018). The Relationship Between The Burden of Duties and Stress Towards Teacher's Commitment at The Primary School (11-21). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 11(1), 11-21.
- Baker, C. (2020). Relationship of Teachers' Professional Skills and Students' Achievement in English at BA Level. ERIC. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1320293.pdf>
- Day, C., Gu, Q., & Sammons, P. (2022). Teacher emotions in schools: A review of the literature. *Educational Review*, 74(1), 114-136.

- Eadie, J., Koutsouris, Y., & Papanastasiou, E. (2021). *The role of teachers in providing quality education: A systematic review*. Educational Review, 73(2), 177-202. doi:10.1080/00131911.2020.1727201
- Fatimah, A. (2014). Tahap kepuasan kerja dan komitmen organisasi dalam kalangan guru kolej vokasional: pendekatan structural equation model. UTHM.
- Ghavifekr, S., & Rosdy, W. A. W. (2015). Teaching and Learning with Technology: Effectiveness of ICT Integration in Schools. International Journal of Research in Education and Science (IJRES), 1(2), 175–191.
- Gupta, S., & Misra, R. (2023). Challenges faced by teachers in rural schools. International Journal of Educational Research, 104, 101791.
- Hazriyanto, & Ibrahim B. (2019). The factor analysis of organizational commitment, job satisfaction and performance among lectures in Batam. Journal of Technical Education and Training, 11(1), 151-158.
- Helvacı, M. A., & Kılıçoglu, A. (2018). The Relationship Between the Organizational Change Cynicism and Organizational Commitment of Teachers. Journal of Education and Training Studies, 6(n11a), 105-110.
- Hussein Ahmad dan Mohammed Sani (2016). Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan. Dalam Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ilhaamie, A. G., Azmi, & Nor Raudal, S. (2018). Job satisfaction level of non government Islamic religious school teacher. Akademika, 88(2), 35-58.
- Irma Suryani. (2018). Factors affecting organizational commitment. Jurnal Manajemen dan Inovasi, 9(1), 26-34.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Laporan tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- No Child Left Behind Act: <https://www.ed.gov/nclb/landing.jhtml> (US Department of Education, 2021)
- Salleh, A. A. H. B. M., & Halim, L. B. (2023). Pelaksanaan Pendidikan STEM: Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan, Sikap, Kemahiran Pedagogi dan Penilaian guru. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8(2), e002146-e002146.
- Sansone, C., & Tang, Y. (2021). Intrinsic and extrinsic motivation and self-determination theory. Motivation Science, 7(2), 113–114.
- Zakaria Abdullah dan Kamarul Azmi Jasmi. (2018). PdP dan pembelajaran berdasarkan pendekatan berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.